

Nama : No. Kad Pengenalan :



**SMK DURIAN DAUN
LORONG TUN FATIMAH
75450 MELAKA**

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN
SIJIL TINGGI PELAJARAN MALAYSIA 2019**

900/1

**PENGAJIAN AM
Penggal 1
September**

Dua jam

Arahan kepada calon:

**JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA ANDA
DIBENARKAN BERBUAT DEMIKIAN.**

Kertas ini mengandungi tiga bahagian, iaitu Bahagian A, Bahagian B, dan Bahagian C.

Calon dikehendaki menjawab semua soalan dalam Bahagian A dan Bahagian B dan dua soalan dalam Bahagian C.

Ada lima belas soalan dalam Bahagian A. Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan. Pilih satu jawapan yang betul dan tandakan jawapan itu pada Borang Jawapan Aneka Pilihan yang berasingan. Baca arahan pada Borang Jawapan Aneka Pilihan itu dengan teliti.

Calon dikehendaki menjawab soalan dalam Bahagian B pada ruang yang disediakan.

Gunakan helaian jawapan bagi menjawab soalan dalam Bahagian C. Mulakan setiap jawapan anda pada helaian kertas yang baharu dan susun jawapan mengikut tertib berangka. Koyakkan muka hadapan kertas soalan ini dan helaian jawapan anda bagi Bahagian B dan ikatkan kedua-duanya bersama-sama dengan jawapan anda bagi Bahagian C.

Markah untuk tiap-tiap soalan diberikan dalam tanda kurung [].

Untuk kegunaan pemeriksa	
Bahagian B	
16	
17	
18	
19	
Bahagian C	
Jumlah	

Bahagian A [15 markah]

Jawab **semua** soalan.

- 1 Yang manakah benar tentang ciri-ciri sebuah negara yang berdaulat?
I Mempunyai sempadan negara yang luas
II Mengamalkan sistem pemerintahan demokrasi
III Bebas menjalin hubungan diplomatik dengan negara lain
IV Rakyat menentukan nasib negara sendiri tanpa campur tangan kuasa asing
A I dan II B I dan IV C II dan III D III dan IV
- 2 Yang manakah benar tentang amalan demokrasi di Malaysia?
I Badan eksekutif melaksanakan kuasa eksekutif tertinggi negara yang dipegang oleh Yang di-Pertuan Agong
II Parlimen Malaysia berbentuk dwidewan
III Rakyat bebas memilih ketua negara
IV Badan eksekutif mempunyai kuasa mutlak untuk memerintah negara
A I dan II B I dan IV C II dan III D III dan IV
- 3
- Berumur 18 tahun atau lebih
 - Telah bermastautin di Persekutuan sekurang-kurangnya 5 tahun dalam tempoh 7 tahun sebelum tarikh permohonan
 - Berniat untuk bermastautin tetap di Persekutuan
- Encik X yang disebut di atas boleh memperoleh kewarganegaraan Malaysia secara
A Kuat kuasa undang-undang B Pendaftaran
C Pencatuman wilayah D Masukan
- 4 Yang manakah pindaan Perlembagaan Persekutuan yang memerlukan sokongan majoriti 2/3 Majlis Parlimen dan persetujuan Yang di-Pertua Negeri Sabah dan Sarawak?
I Bentuk ikrar dan sumpah
II Kuasa perundangan negeri Sabah dan Sarawak
III Pelantikan hakim dan kuasa Mahkamah Tinggi di Sabah dan Sarawak
IV Kedudukan istimewa kaum bumiputera di Sabah dan Sarawak
A I dan II B I dan IV C II dan III D III dan IV
- 5 Yang manakah antara yang berikut adalah dalam Senarai Bersama ?
I Membalik pulih kawasan bekas lombong
II Perikanan di laut dalam
III Mencegah tunjuk perasaan dan rusuhan
IV Pencegahan penyakit
A I dan II B I dan IV C II dan III D III dan IV
- 6 Yang manakah di antara berikut merupakan fungsi Suruhanjaya Pilihan Raya?
I Mengawasi proses kempen pilihanraya
II Menyemak dan mengemaskini daftar pemilih
III Menjalankan proses pemersempadanan semula kawasan pilihan raya
IV Mendenda calon yang melanggar peraturan pilihan raya
A I dan II B I dan IV C II dan III D III dan IV
- 7 Yang manakah antara berikut yang berkuasa meluluskan pertukaran status tanah daripada tanah pertanian kepada tanah pembangunan?
A Dewan Undangan Negeri B Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri
C Pihak Berkuasa Tempatan D Pejabat Daerah dan Tanah
- 8 Yang manakah tertakluk kepada kuasa budi bicara yang di-Pertuan Agong?
A Melantik Perdana Menteri
B Melantik Hakim Besar
C Memperkenankan pindaan Perlembagaan Persekutuan
D Memberikan persetujuan kepada permintaan untuk pembubaran Dewan Negara

9

- | |
|---|
| <ul style="list-style-type: none"> • Menambah baik tatacara pentadbiran kerajaan • Mewujudkan kecekapan jentera pentadbiraan kerajaan • Melaksanakan kajian mengenai sistem dan pengurusan pejabat |
|---|

Pernyataan di atas merujuk kepada fungsi

- | | |
|------------------|--------------------------|
| A Perbendaharaan | B Unit Perancang Ekonomi |
| C MAMPU | D Unit Inovasi Khas |

	Jabatan		Kementerian
I	Jabatan Penjara	X	Kementerian Luar Negeri
II	Wisma Putra	Y	Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
III	Jabatan Bomba dan Penyelamat	Z	Kementerian Dalam Negeri

10 Yang manakah padanan yang betul bagi pernyataan di bawah

	I	II	III
A	X	Y	Z
B	Y	X	Z
C	Z	X	Y
D	Z	Y	X

11

- | |
|--|
| Mengeluarkan permit untuk pertunjukkan sarkas |
| Mengeluarkan kompaun terhadap salahlaku meliatkan papan iklan perniagaan |
| Menamakan jalan dan lorong di taman perumahan |

Pihak berkuasa yang bertanggungjawab melaksanakan tanggungjawab di atas ialah

- | |
|---|
| A Kementerian Dalam Negeri |
| B Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan |
| C Kerajaan Negeri |
| D Pihak Berkuasa Tempatan |

12 Yang manakah antara kes-kes pembuangan kerja berikut boleh dirujuk kepada Mahkamah Perusahaan?

- | |
|--|
| I Seorang pembantu makmal yang telah dipecat oleh Pengetua SMK Ayer Tawar, Perak |
| II Seorang askar wataniah yang dibuang kerja oleh Majlis Angkatan Tentera |
| III Seorang kerani yang dibuang kerja oleh Syarikat Federal Express Sdn Bhd. |
| IV Seorang pengawal keselamatan dipecat oleh Tenaga Nasional Bhd. |

A I dan II B I dan IV C II dan III D III dan IV

13 Yang manakah yang berkaitan dengan Yang di-Pertua Negeri?

- | |
|--|
| I Mempunyai kuasa budi bicara untuk menolak permintaan untuk membubarkan Dewan Undangan Negeri |
| II Merupakan sebahagian daripada Dewan Undangan Negeri |
| III Dipilih secara sulit oleh Majlis Raja-raja Melayu |
| IV Merupakan ketua agama Islam negeri |

A I dan II B I dan IV C II dan III D III dan IV

14 Yang manakah merupakan prinsip tadbir urus awam yang baik?

- | | | | |
|-----------------|--------------|---------------|------------------|
| I Berdaya Saing | II Ketekunan | III Ketelusan | IV Akauntabiliti |
| A I dan II | B I dan IV | C II dan III | D III dan IV |

- 15 Yang manakah antara berikut adalah badan penyelaras yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan untuk tujuan penyelarasan antara Kerajaan Pusat dengan Kerajaan Negeri
- I Majlis Tanah Negara
 - II Majlis Negara Bagi Kerajaan Tempatan
 - III Majlis Perhutanan Negara
 - IV Majlis Perumahan Negara
- A I dan II B I dan IV C II dan III D III dan IV

Bahagian B

(15 markah)

Jawab semua soalan.

16 Senaraikan tiga jenis hasil utama Kerajaan Persekutuan (3m)

- i) _____
ii) _____
iii) _____

17 Jelaskan dua pendekatan yang dilaksanakan oleh Mahkamah Juvana untuk memelihara masa depan pesalah juvana (4m)

- i) _____

ii) _____

18 X → * Ditubuhkan di bawah Akta Parlimen atau Enakmen Negeri

* Diletakkan di bawah pengawasan sebuah Kementerian

(a) X merujuk (1m)

(b) Nyatakan tiga sebab yang membawa kepada penubuhan X. (3m)

- (i) _____

(ii) _____

(iii) _____

19 Huraikan 2 langkah yang perlu dilaksanakan untuk memantapkan sistem dan prosedur kerja dalam sistem penyampaian khidmat awam di Malaysia (4m)

- (i) _____

(ii) _____

Bahagian C

(50 markah)

Pilih **dua** daripada tajuk di bawah ini dan tulis karangan yang panjangnya antara 300 hingga 350 patah perkataan.

20. Rekod Jabatan Insolvensi Malaysia sepanjang tahun 2012 sehingga September 2016 menunjukkan 23 peratus kes kebankrapan yang dicatatkan membabitkan golongan Generasi Y. Gaya hidup mewah merupakan salah satu faktor golongan muda kini diistiharkan bankrap. Bincangkan.

21 Kerajaan sentiasa menghadapi pelbagai cabaran dalam usaha untuk mewujudkan tadbir urus baik. Keadaan tersebut perlu ditangani secara bijak bagi memastikan sistem penyampaian khidmat awam sentiasa cekap dan berintegriti. Bincangkan

22. Perniagaan atas talian adalah satu trend perniagaan maya yang amat digemari oleh golongan muda dewasa ini, Namun demikian, sambutan dan penerimaan terhadap trend ini masih rendah di negara kita berbanding di negara-negara maju. Bincangkan.

----KERTAS TAMAT----